

Metodologi Ulama dalam *Asbab al-Nuzul* al-Quran

Mohd Nazri Ahmad

Email: m_nazri@ukm.edu.my

Pensyarah kanan, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Asbab al-Nuzul merupakan kombinasi terpenting dalam pentafsiran al-Qur'an. Ulama-ulama Islam dari dahulu hingga sekarang amat menitik berat tentang ilmu ini. Berbagai-bagai karya telah dihasilkan oleh ulama mengenai ilmu *Asbab al-Nuzul* ini. Artikel ini akan membincangkan mengenai karya-karya *Asbab al-Nuzul* serta metodologi penulisnya di dalam kitab-kitab mereka. Hasil kajian telah mendapati bahawa kebanyakan karya-karya berkaitan *Asbab al-Nuzul* lebih menumpukan kepada *takhrij hadith* dan menjelaskan kedudukan riwayat-riwayat tersebut. Amat jarang perbincangan terfokus kepada kaitan riwayat dengan tafsiran. Amat perlu kajian berkaitan *Asbab al-Nuzul* ini ditumpukan kepada peranannya dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an dan kesannya terhadap hukum fiqh.

Kata kunci: *Asbab al-Nuzul*, Takhrij hadith, kedudukan riwayat, hukum fiqh

The Methodology of Muslim Scholars in the Science of *Asbab al-Nuzul*

Abstract

Asbab al-Nuzul is an essential combination in the Quran exegesis. Previous and nowadays Islamic scholar taking this knowledge into a serious matter. The previous scholars had produced many manuscripts regarding the science of *Asbab al-Nuzul*. This article aims to discuss manuscripts of *Asbab al-Nuzul* and the author's methodology. This paper provides a comprehensive discussion using literature review method. The research finding shows that most of *Asbab al-Nuzul*'s manuscripts focus more on *takhrij hadith* (references of hadith) and clarifying the status of narration. There were fewer studies done focusing on narration and exegesis. Therefore, the science of *Asbab al-Nuzul* must attain the urgency in Quranic exegesis and the implication towards Islamic law.

Keywords: *Asbab al-Nuzul*, *takhrij hadith*, status of narration, Islamic law

1. Pengenalan

Al-Qur'an diturunkan oleh Allah kepada manusia sebagai petunjuk kepada jalan kebenaran. Di dalam al-Qur'an terdapat panduan bagi asas kehidupan manusia bermula daripada ibadat, mu'amalat, munakahat, jinayat dan urusan pentadbiran negara. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk memahami al-Qur'an. Tidak mungkin seseorang muslim itu mengamalkan al-Qur'an tanpa memahaminya. Antara elemen terpenting dalam memahami dan mentafsirkan al-Qur'an ialah pengetahuan mengenai sebab-sebab turun al-Qur'an.

Perlu difahami, bukan kesemua ayat-ayat al-Qur'an diturunkan bersebab. Bahkan kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW tanpa sebab atau peristiwa yang berlaku. *Asbab al-Nuzul* berkait rapat dengan peristiwa yang berlaku ketika hayat Rasulullah SAW atau pertanyaan para sahabat RA.. Perasaan ingin tahu para Sahabat RA. tentang hukum terhadap sesuatu masalah, telah mendorong mereka untuk bertanya Rasulullah SAW. Lalu al-Qur'an diturunkan untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut.

2. Kepentingan *Asbab al-Nuzul*

Asbab al-Nuzul merupakan komponen terpenting dalam ilmu Tafsir. Kemunculannya seiring dengan penurunan al-Qur'an. Namun di zaman sahabat dan al-Tabi'in ia tidak dibukukan. Setelah belalunya zaman al-Tabi'in, bermulalah pembukuan hadith dan *Asbab al-Nuzul* adalah sebahagian daripadanya. Bagi memudahkan umat Islam merujuk *Asbab al-Nuzul* yang dibukukan bersama-sama dengan hadith, maka ulama-ulama mufasssirin

membukukannya secara berasingan. Al-Wahidiy menegaskan bahawa tidak harus bagi seseorang memperkatakan tentang sebab turun sesuatu ayat al-Qur'an kecuali berdasarkan periwayatan daripada mereka yang pernah menyaksikan penurunan al-Qur'an. (al-Wahidiy. 1998) Muhammad bin Sirin menceritakan bahawa beliau pernah bertanya 'Ubaidah tentang satu ayat al-Qur'an, beliau menjawab: Takutlah kepada Allah dan berkatalah benar! Mereka yang mengetahui sebab al-Qur'an diturunkan telah tiada lagi, iaitu sahabat (Manna' al-Qattan. T.th).

3. Peranan Ulama

Melihat kepada peranan *Asbāb al-Nuzūl* yang begitu besar dalam pentafsiran al-Qur'an, ulama-ulama Tafsir dan hadith berusaha mengumpul, membukukan, mentahqiq dan mentashih riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl*. Hasilnya muncullah kitab-kitab khusus yang membincangkan tentang *Asbāb al-Nuzūl*. Antara mereka ialah:

Pertama: 'Ali bin al-Madīniy iaitu guru Imam al-Bukhāriy. Beliau menuntut ilmu dengan beberapa orang ulama antaranya ialah bapanya sendiri, Ibn 'Uyainah, Ibn 'Ulayyah, Bishr ibn Mufaḍḍal, Ḥātim bin Wirdān, Yaḥyā bin Sa'īd al-Qaṭṭan dan 'Abdullah bin Wahab. (Al-Shaikh bin Jumu'ah Sahl. T.th. 7) Beliau merupakan orang pertama menulis tentang *Asbāb al-Nuzūl*, tetapi kitabnya tidak dicetak.

Kedua: Al-Wāḥidiy yang menulis kitab "*Asbāb al-Nuzūl*". Di dalam muqaddimahnya, beliau menjelaskan bahawa tujuan beliau menyusun kitab ini ialah untuk mempersembahkan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* yang sahih dan benar kepada pembaca. (Al-Wāḥidiy. 2003. 14) Secara keseluruhannya, al-Wahidiy mengemukakan sanad yang lengkap bagi setiap riwayat. Tetapi beliau tidak mengkritiknya. Mengemukakan sanad yang lengkap tanpa membuat kritikan adalah satu tindakan yang baik bagi seseorang penulis jika dibandingkan dengan penulis yang mengemukakan riwayat tanpa sanad dan kritikan. Pendekatan yang digunakan oleh al-Wāḥidiy ini memberi ruang kepada sarjana-sarjana Islam untuk mengkaji, menilai dan mengkritik. Kadang-kadang terdapat riwayat yang dikemukakan secara *mu'allaq* seperti:

وقال قتادة وعكرمة: نزلت في أصحاب محمد ﷺ

(Al-Wahidiy. 2003: 39)

Maksudnya: Qatadah dan 'Ikrimah berkata: Ayat ini diturunkan kepada sahabat-sahabat Muhammad SAW.

Di beberapa tempat beliau tidak mengemukakan sanad dan perawi terakhir, tetapi hanya menyebut: "Mufasssirn berkata". Contohnya ketika mengemukakan *Asbab al-Nuzul* ayat 2 Surah al-Hashr (Al-Wahidiy. 2003. 328). Kitab ini telah ditahqiq dan ditakhrij oleh Aiman Šāliḥ Sha'bān. Sebahagian hadithnya dihukumkan dengan sahih dan da'if. Namun terdapat sebahagian riwayat tidak dihukum oleh pentahqiq samada sahih atau da'if. Pentahqiq hanya menyebut sumber rujukan. Contohnya sebab turun ayat 159 surah al-Baqarah: Ketika mentahqiq riwayat ini, pentahqiq menyebut: "Al-Sayūṭiy di dalam *Lubāb al-Nuqūl* telah menyumberkan hadith ini kepada Ibn Jarir dan Ibn Abi Ḥātim daripada jalur Sa'īd atau 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbās". Selepas itu beliau tidak membuat apa-apa kritikan (Lihat al-Wāḥidiy. 2003: 45). Kitab ini juga ditahqiq, ditakhrij serta dita'liq oleh Dr. Māhir Yāshn al-Fahl. (2005) dan diterbitkan oleh Dār al-Maiman, Su'ūdiy. Dalam Muqaddimahnya beliau menjelaskan bahawa kitab ini berjudul "*Asbāb Nuzūl al-Qur'ān*". Ketika mengemukakan definisi *Asbāb al-Nuzūl*, beliau mentarjihkan pendapat al-Zarqaniy. (Dr. Māhir Yāsīn. 2005. 39) Pendekatan yang digunakan oleh beliau ketika mengkritik hadith agak terperinci. Contohnya ketika beliau mengulas kenyataan al-Wāḥidiy pada hadith yang kelima berkaitan tajuk: "*Al-Qawl fi Awwal Mā Nazala min al-Qur'ān*". Setelah mengemukakan hadith, al-Wāḥidiy berkata: "Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhāriy daripada Yaḥya bin Bukayr". (Al-Wahidiy. 2003. 14) Kenyataan al-Wāḥidiy ini dikritik dengan katanya: Ini merupakan salah satu daripada kelalaian yang dilakukan oleh pengarang, kerana Imam al-Bukhāriy tidak meriwayatkan daripada Yaḥya bin Bukayr daripada 'Abd al-Razzāq sama sekali. Hadith Yaḥya bin Bukayr daripada 'Abd al-Razzāq hanyalah terdapat pada dua tempat iaitu dalam *Kitāb al-Ta'bir* dan *Kitāb al-Tafsīr* daripada 'Abdullah bin Muḥammad daripada 'Abd al-Razzāq. (Dr. Māhir Yāsīn. 2005. 100) Namun kritiknya terhadap kesahihan atau keda'ifan hadith masih kurang jelas.

Selain dari itu, kitab ini juga ditakhrij dan tahqiq oleh 'Isām bin 'Abd al-Muhsin al-Hamīdān. Dalam muqaddimahnya beliau berkata: Kitab *Asbāb al-Nuzūl* al-Wāḥidiy ini diakui ketinggiannya dalam bab ini oleh

al-Zarkashiy, al-Sayūṭiy, Mannā° al-Qaṭṭān dan Zarzūr. Aku tahu bahawa kitab yang penting ini tidak tercapai oleh tangan-tangan mereka yang hendak memberi tumpuan sepenuhnya, kecuali – mungkin – Shaikh al-Sayyid Aḥmad Ṣaqr. Beliau yang bersikap berhati-hati serta sedikit melakukan kesilapan tidak juga memenuhi kriteria dalam mentakhrij hadith-hadith dalam kitab ini, sedangkan itulah perkara yang paling penting dalam mentahqiq hadith. Beliau hanyalah bergantung secara asasnya kepada sanad. Sebab itulah aku berusaha – dengan taufiq dari Allah – untuk mentakhrij hadith-hadith dalam kitab ini dengan cara yang lebih sempurna dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh ulama atau apa yang tercapai oleh aku ketika membuat kritikan terhadap sanad-sanad. Apa yang benar adalah daripada Allah dan apa yang salah adalah daripada diriku dan syaitan. (Al-Ḥamīdān. 1992. 5) Jika diteliti, tahqiqnya adalah lebih sempurna daripada yang dilakukan oleh Dr Māhir Yāsīn. Ketika mentahqiq, beliau mengemukakan kesemua jalur-jalur riwayat, disamping itu juga mengemukakan *al-Syawāhid* dan *al-Mutāba°āt*, dan di akhirnya menyatakan hukum hadith samada sahih, hasan atau da°if. (Lihat al-Ḥamīdān. 1992. 29) Contohnya ketika beliau mentakhrij riwayat sebab turun bagi ayat 97 Surah al-Baqarah, beliau menyebut: Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Aḥmad, al-Ṭabrānī di dalam *al-Mu°jam al-Kabīr* dan al-Nasā°i daripada jalur Ibn Shihāb. Sanadnya hasan kerana disokong oleh *Shawāhid* yang diriwayatkan oleh Ibn Jarīr, Imām Aḥmad, °Abd Ibn Humayd, Abu Dāwud al-Ṭayālīsīy, Ibn Abi Ḥātim, Abu Nu°aim dan al-Baihaqīy di dalam *Dalā°il al-Nubuwwah*. Kesemuanya daripada jalur °Abd al-Ḥamīd bin Bahrām daripada Shahr bin Ḥaushab daripada Ibn °Abbās RA. dan sanadnya adalah *ḥasan* (Al-Ḥamīdān. 1992. 29)

Ketiga: Al-Ja°bariy, karyanya berjudul “*Taqrīb al-Ma°mūl fi Tartīb Asbāb al-Nuzūl*”. Beliau meringkaskan kitab al-Wāḥidiy dengan membuang sanad tanpa melakukan apa-apa tambahan. (Mannā° al-Qaṭṭān. T.th. 76) Kitabnya tidak dicetak dan masih dalam bentuk manuskrip.

Keempat: Shaikh al-Islam Ibn Ḥajar al-°Asqalānīy dengan kitabnya yang berjudul “*Al-°Ujāb fi Bayān al-Asbāb*”. Kitab ini merupakan salinan semula riwayat al-Wāḥidiy di dalam *Asbāb al-Nuzūl* dan sanadnya diringkaskan, hadith-hadithnya ditakhrij dan ditashih serta dinyatakan hukumnya. Contohnya ketika beliau menjelaskan tentang sebab turun ayat 94 surah al-Baqarah, beliau telah mengemukakan riwayat-riwayat seperti berikut:

ذكر ابن الجوزي أنها نزلت لما قالت اليهود أن الله لم يخلق الجنة إلا لإسرائيل وبنيه. قلت: الذي أخرج الطبري من طريق أبي العالبي قال: قالت اليهود يعني والنصارى: (لن يدخل الجنة إلا من كان هودا أو نصارى) (وقالت اليهود نحن أبناء الله وأحباؤه) فأنزل الله عزوجل (قل إن كانت لكم الدار الآخرة) الآية من طريق قتادة ونحوه.

Maksudnya: Ibn al-Jauziy menyebut bahawa ayat ini diturunkan ketika orang-orang Yahudi berkata: Bahawa Allah tidak menjadikan syurga kecuali untuk Isra°il dan keturunannya. Aku berkata (Ibn Ḥajar): Hadith yang dikeluarkan oleh al-Ṭabariy daripada jalur Abu al-°Āliyah menceritakan: Orang-orang Yahudi berkata: "Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula: (Tidak sekali-kali akan masuk syurga melainkan orang-orang yang beragama Yahudi atau Nasrani) dan (Orang-orang Yahudi berkata: Kami adalah anak-anak Allah dan kekasihnya), maka Allah menurunkan ayat (yang bermaksud): “Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi): "Kalau syurga negeri akhirat itu telah menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang-orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang yang benar", hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Ṭabariy daripada jalur Qatādah.

ومن طريق ابن إسحاق بسنده المتكرر عن ابن عباس قال: لو تمنوه يوم قال لهم: فتمنوا الموت, ما بقي على ظهر الأرض يهودي إلا مات وذلك أنهم فيما ذكر لنا قالوا: نحن أبناء الله وأحباؤه.

Maksudnya: Daripada jalur Ibn Ishāq dengan sanadnya yang diulang daripada Ibn °Abbās berkata: Kalaulah mereka benar-benar bercita-cita untuk mati pada hari yang dikatakan kepada mereka: “Bercita-citalah kamu untuk mati”, nescaya tidak akan tinggal seorang pun Yahudi di atas bumi ini melainkan semuanya akan mati. Ini disebabkan mereka berkata (seperti yang diceritakan kepada kami): “Kami adalah anak-anak Allah dan kekasihnya”.

وبه إلى ابن عباس في قوله تعالى: (فتمنوا الموت) أي أدعوا بالموت على أي الفريقين أكذب فأبوا ذلك على رسول الله ﷺ.

Maksudnya: Dan dengan sanad ini juga daripada Ibn ʿAbbās berkaitan firman Allah (yang bermaksud): “Bercita-citalah untuk mati”, maksudnya: Berdoalah untuk mati ke atas mana-mana kumpulan yang paling dusta”, tetapi mereka enggan berdo'a begitu terhadap Rasul SAW.

وقال عبد الرزاق عن معمر عن عبد الكريم الجزري عن عكرمة قال: قال ابن عباس: لو تمنى اليهود لماتوا، وهذا سند صحيح.

Maksudnya: ʿAbd al-Razzāq meriwayatkan daripada Muʿammar daripada ʿAbd al-Karīm al-Jazariy daripada ʿIkrimah berkata: Ibn ʿAbbās berkata: Kalaulah orang-orang Yahudi bercita-cita untuk mati, tentu mereka kan mati. *Sanad* ini sahih.

Setelah mengemukakan riwayat-riwayat ini dengan berbagai jalur (tariq) beliau membuat ulasan dengan mengatakan riwayat terakhir ini adalah sahih. (Al-ʿAsqalāniy. 1997.1: 285-286). Selain itu Ibn Hajar juga menambah riwayat *Asbāb al-Nuzūl* yang tidak disebut oleh al-Wāḥidiy.

Kelima: Al-Sayūṭi yang menulis kitab yang berjudul “*Lubāb al-Nuqūl fi Asbāb al-Nuzūl*”. Jumlah hadith yang terdapat di dalam kitab ini ialah 1053 buah hadith. Dalam Muqaddimah, al-Sayūṭiy menjelaskan keistimewaan kitab ini ialah; ringkas, mengumpulkan riwayat yang banyak jika dibandingkan dengan kitab al-Wāḥidiy, setiap hadith akan disebut sumber seperti *Kutub al-Sittah*, *al-Mustadrak*, *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, *Sunan al-Baihaqiy dan al-Dāraquṭniy*, *Musnad Imām Aḥmad*, *al-Bazzār* dan *Abū Yaʿlā al-Muṣṭaliy*, *Muʿjam al-Ṭabrāniy*, *Tafsīr Ibn Jarīr*, *Tafsīr Ibn Abi Ḥatim*, *Tafsīr Ibn Mardawayh*, *Abi al-Shaikh*, *Ibn Hibbān*, *al-Firyābiy*, ʿAbd al-Razzāq, *Ibn al-Mundhir* dan lainnya, membezakan antara riwayat sahih dan *daʿif*, riwayat *maqbul* dan *mardud*, mengumpulkan antara riwayat-riwayat yang bertentangan dan tidak memasukan riwayat yang bukan *Asbāb al-Nuzūl*. (Al-Sayūṭiy. 2002. 10)

Di dalam kitab ini al-Sayūṭiy menyebut rujukan bagi setiap riwayat berserta sanad dan kritikan terhadap perawi yang bermasalah, contohnya ketika mengemukakan sebab turun bagi ayat 26 surah al-Baqarah:

وأخرج الواحدي من طريق عبد الغني بن سعيد الثقفي عن موسى بن عبد الرحمن عن ابن جريج عن عطاء عن ابن عباس قال: إن الله ذكر آلهة المشركين فقال: (وإن يسلبهم الذباب شيئا) وذكر كيد الآلهة فجعله كبيت العنكبوت، فقالوا: أ رأيت حيث ذكر الله الذباب والعنكبوت فيما أنزل من القرآن على محمد، أي شيء كان يصنع بهذا؟ فأنزل الله هذه الآية. عبد الغني واه جدا.

(Al-Sayūṭiy. 2002: 13)

Maksudnya: Daripada Ibn ʿAbbās berkata: Sesungguhnya Allah menyebut tuhan orang-orang mushrik: “dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka” (Al-Qur’an. Al-Haj. 22: 73), dan Allah menyebut tipu daya tuhan dan menjadikannya seperti rumah labah-labah. Kemudian orang-orang kafir berkata: Kamu lihatlah, Allah menyebut lalat dan labah-labah di dalam al-Qur’an yang diturunkan kepada Muhammad, apakah semua ini? Maka Allah menurunkan ayat ini. ʿAbd al-Ghaniy “*wāḥi jiddan*”.

Setelah mengemukakan riwayat ini, beliau mengkritik dengan mengatakan: “ʿAbd al-Ghaniy *wāḥi jiddan*”. Namun kritikan terhadap hadith dibuat secara tidak menyeluruh, banyak lagi riwayat-riwayat yang tidak dikritik dan kedudukannya masih kabur.

Keenam: Abū ʿAbd al-Raḥmān Muqbil bin Hādīy al-Wādīʿiy yang menulis kitab berjudul “*al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Asbāb al-Nuzūl*”. Dalam kitab ini, penulis sedaya upaya mengumpulkan sejumlah riwayat-riwayat yang sahih dan hasan berkaitan *Asbāb al-Nuzūl*. Tidak keterlaluan jika dikatakan kitab ini adalah yang pertama mengumpulkan hadith-hadith *Asbāb al-Nuzūl* yang sahih sahaja. Walau bagaimanapun manusia sudah pasti tidak memiliki kesempurnaan, - Kesempurnaan hanyalah milik mutlak Allah SWT – banyak hadith-hadith sahih berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* yang tidak dimasukan oleh penulis di dalam kitabnya. Dalam Muqaddimah,

penulis menjelaskan sebab-sebab beliau menyusun kitab ini ialah; (Lihat al-Wādi^{ci}y. 1994. 9-13):

a. *Asbāb al-Nuzūl* mempunyai ikatan yang kuat dengan dua disiplin ilmu yang penting iaitu Tafsir dan Hadith yang menjadi asas agama kita.

b. Pengetahuan tentang *Asbāb al-Nuzūl* akan membantu memahami maksud nas al-Qur'an. Kadang-kadang timbul kesukaran terhadap Sahabat dan generasi yang selepas mereka untuk memahami sebahagian ayat al-Qur'an sehinggalah mereka mengetahui sebab turunnya, contohnya seperti sebab turun ayat 195 surah al-Baqarah: Maksudnya: Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.

Mereka tidak memahami maksudnya secara tepat sehinggalah Abū Ayyūb al-Anṣāriy memberitahu mereka tentang sebab turunnya. Begitulah juga dengan ayat 82 daripada al-An'am ayat: Maksudnya: Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Sahabat tidak memahami ayat ini hinggalah turun ayat 31 Surah Luqman: Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

c. Hadith-hadith berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* banyak diresapi unsur-unsur kurang sihat seperti ilmu-ilmu lain. Kemudian beliau memetik kata-kata al-Wāḥidiy di dalam Muqaddimah kitabnya *Asbāb al-Nuzūl*. (Lihat al-Wāḥidiy. 2003. 14) Kemudian beliau memetik kata-kata al-Sayūṭiy: Al-Sayūṭiy berkata di dalam al-Itqān selepas beliau menyebut mufassir-mufassir yang meriwayatkan tafsir dengan sanad yang penuh seperti Ibn Jarīr, Ibn Abi Ḥātim dan lainnya – kemudian datang generasi yang membukukan tafsir, mereka telah meringkaskan sanad dan menaakalkan pendapat yang berbagai-bagai. Bermula di sini, unsur-unsur yang kurang sihat mula menular masuk ke dalam Ilmu Tafsir. Tafsiran yang sah bercampur aduk dengan *da'if*. Lebih parah lagi apabila mereka memasukan setiap pendapat yang terlintas dalam fikiran mereka. Lalu generasi yang selepas mereka akan menaakalkan kata-kata tersebut kerana menyangka kesemua pendapat-pendapat tersebut mempunyai sandaran tanpa menoleh kepada apa yang telah diriwayatkan oleh generasi Salaf dan mereka yang sepatutnya menjadi rujukan dalam Ilmu Tafsir. Disebabkan situasi yang buruk ini, aku telah melihat mereka yang mengemukakan tafsiran terhadap ayat ketujuh surah al-Fatihah sebanyak sepuluh pendapat. Sedangkan Nabi SAW dan al-Tabi^{ci}n serta orang-orang yang selepas mereka mentafsirkannya dengan Yahudi dan Nasara sahaja. Sehubungan itu Ibn Abi Ḥātim berkata: Aku tidak tahu ada perselisihan tentang tafsiran ini dikalangan Mufassir. Inilah maksud kata-kata al-Sayūṭiy yang dinaakalkan daripada al-Itqān. Al-Wādi^{ci}y berkata: Inilah yang mendorong aku untuk menyebut sanad sedaya upaya aku walaupun terdapat kesulitan seperti yang sedia maklum bagi mereka yang berinteraksi dengan ilmu ini.

d. Untuk membongkar rahsia pensyari'atan. Kita mendapati di dalam *Asbāb al-Nuzūl* terdapat pengajaran dan juga berperanan merungkai persoalan yang membelengu individu atau kumpulan yang terlibat dalam konspirasi yang menjadi penyebab utama turun sesuatu ayat al-Qur'an. Contohnya kisah tiga sahabat Nabi SAW yang ketinggalan dalam peperangan Tabuk, kisah kontroversi "*Ḥadīth al-Ifk*" yang melibatkan Umm al-Mu'minin ^{ci}Aishah RA. yang kesudahannya adalah kebahagiaan yang telah dianugerahkan oleh Allah.

e. Mengambil manfa'at daripada marhalah pensyari'atan. Di dalam *Asbāb al-Nuzūl* terdapat penjelasan terhadap marhalah dakwah dan hala tuju yang bersifat *Rabbāniy*. Contohnya seperti ayat al-Qitāl, ia turun selepas Allah mengetahui kadar kemampuan orang-orang Islam untuk berbuat demikian.

Diantara metodologinya dalam kitab ini ialah beliau cuba sedaya upaya untuk mengumpulkan jalur-jalur sanad hadith kerana ini memberi manfaat dari segi mengetahui kedudukan samada sanadnya bersambung kepada Nabi SAW atau *mursal*, *ṣaḥīḥ* atau mempunyai *ciillah. Kadang-kadang sesuatu hadith itu, secara zahir sanadnya nampak *ṣaḥīḥ*, tetapi diriwayatkan di dalam kitab yang lain terdapat *ciillah. (Al-Wādi^{ci}y. 1994. 13)**

Jika dilihat, pendekatan yang digunakan oleh al-Wādi^{ci}y dalam mentahqiq hadith adalah ringkas dan jelas. Contohnya ketika mengemukakan riwayat yang menjadi sebab turun bagi ayat 109 Surah al-Baqarah.

Setelah mengemukakan hadith beliau mengulas: Kesemua perawinya adalah thiqah. Ibn Abi ^{ci}Āṣim Ḥāfiẓ, Kabīr, biodatanya terdapat didalam kitab *Tadhkirah al-Huffāz*. Adapun perawi-perawi lain, biodata mereka terdapat di dalam kitab *Tahdhib al-Tahdhib*. Hadith ini juga diriwayatkan di dalam kitab "*Al-Ṣaḥīḥ*" daripada jalur Shu'āib bin Abu Ḥamzah sama seperti sanad ini, tetapi tidak menyebut sebab turun, begitulah

juga didalam *Tafsir Ibn Abi Hātim* dan *Tafsir Ibn Kathīr*. (Al-Wādi'iy. 1994. 25)

Ketujuh: Al-Shaikh °Abd al-Fattah al-Qaḍiy. Kitab beliau berjudul “*Asbāb al-Nuzūl °an al-Ṣaḥābah wa al-Mufasssirīn*”. Merupakan sebuah kitab yang sederhana besarnya. Mengumpulkan hadith-hadith berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* yang kebanyakannya dirujuk kepada al-Wāḥidiy dan al-Sayūṭiy. Dalam Muqaddimahnyanya, beliau menyebut kaedah-kaedah *Asbāb al-Nuzūl* yang di transformasikan daripada kitab *al-Itqān* Imam al-Sayūṭiy. Beliau juga menjelaskan hanya akan menyebut hadith-hadith sahih sahaja.

Kelapan: Dr. Ghaziy Ḥusayn Muḥammad °Ināyah. Kitab beliau berjudul “*Asbāb al-Nuzūl al-Qurāniy*”. Merupakan sebuah kitab yang sederhana besar. Penulisnya banyak merujuk kepada al-Wāḥidiy dan al-Sayūṭiy. Keistimewaannya ialah membincangkan kaedah *Asbāb al-Nuzūl* dengan agak terperinci yang datanya banyak ditransformasi daripada *al-Burhān* dan *al-Itqān*.

Kesembilan: Sulaim bin °Aid al-Halāliy dan Muḥammad bin Mūsā °Ali Naṣr. Kitab mereka berjudul “*Al-Isṭī'āb fī Bayān al-Asbāb*”. Kitab ini terdiri daripada tiga jilid. Di cetak oleh Dār Ibn al-Jauziy. Cetakan pertama pada tahun 1425h. Dalam bab permulaan, perbincangannya sama dengan kitab-kitab *Asbāb al-Nuzūl* yang lain. Iaitu memperkatakan tentang definisi *Asbāb al-Nuzūl*. Kebanyakan penulis bersetuju dengan definisi al-Sayūṭiy. Perbincangan seterusnya berkaitan ulama-ulama yang menulis kitab *Asbāb al-Nuzūl*, perbincangan dikemukakan secara ringkas dengan menyebut nama kitab dan pengarangnya. Selepas itu perbincangan diteruskan dengan hikmat mengetahui *Asbāb al-Nuzūl*, Pengajaran berdasarkan umum lafaz dan bukan sebab yang khusus dan riwayat yang boleh dijadikan pegangan dalam *Asbāb al-Nuzūl*. Pentahqiqan yang dibuat adalah terperinci. Hukum terhadap hadith diletakkan ditepi sebelah kiri hadith. Takhrij, tahqiq dan kritikan terhadap hadith ditulis di nota kaki. Contohnya ketika mengemukakan riwayat sebab turun bagi ayat 14 Surah al-Baqarah: Dalam riwayat sebab turun ayat ini, penulis mengemukakan hadith daripada Ibn °Abbās. Hadith tersebut menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan kepada °Abdullah bin Ubay dan sahabat-sahabatnya. Setelah mengemukakan riwayat, penulis meletakkan hukum hadith dihujung sebelah kiri dengan “*Mauḍū°*”. Ketika mengulas riwayat ini pada nota kaki, penulis berkata: Al-Ḥāfiẓ di dalam “*Al-°Ujāb*” berkata: Hadith ini diisnadkan oleh al-Wāḥidiy daripada jalur Muḥammad bin Marwān al-Suddiy al-Ṣaghīr daripada al-Kalbiy daripada Abu Ṣāliḥ daripada Ibn °Abbās. Selepas itu penulis mengkritik kenyataan al-Ḥāfiẓ ini dengan mengatakan bahawa al-Wāḥidiy meriwayatkan hadith ini secara “*Mu°allaq*” daripada Ibn °Abbās. (Sulaim bin °Aid al-Hilāliy dan Muḥammad bin Mūsā °Ali Naṣr. 1425h. 1: 19) Apa yang dikatakan oleh penulis memang benar. Al-Wāḥidiy hanya meriwayatkan hadith ini secara *Mu°allaq* tanpa sanad. (Lihat al-Wāḥidiy. 2003. 26) Penulis juga menjelaskan bahawa hadith ini disebut oleh al-Sayūṭiy di dalam “*al-Dur al-Manthūr*” dan menambah penisbahannya kepada al-Tha°labiy. Setelah itu penulis membuat kesimpulan bahawa hadith ini “*mauḍū°*”, kerana perawi sebelum Ibn °Abbās ditohmah dengan dusta (Sulaim bin °Aid al-Hilāliy dan Muḥammad bin Mūsā °Ali Naṣr. 1425h. 19).

Selain dari itu, penulis juga menjelaskan °*Illah* yang terdapat pada hadith. Contohnya dapat dilihat ketika mereka mengkritik hadith sebab turun bagi ayat 26 Surah al-Baqarah: Setelah mengemukakan riwayat Ibn °Abbas tanpa sanad, penulis menilai hadith ini sebagai “*da°if jiddan*”. Setelah menjelaskan sumber hadith iaitu diriwayatkan oleh al-Wāḥidiy daripada jalur al-Ṭabrāniy hingga ke akhir sanad, mereka mengkritik bahawa hadith ini terdapat dua °*Illah* iaitu: Mūsā bin °Abd al-Raḥmān al-Thaqafiy adalah “*wāḥi*”, bahkan ditohmah oleh Ibn Ḥibbān dan °Abd al-Ghaniy bin Sa°id al-Thaqafiy adalah *da°if* seperti yang dinilai oleh Ibn Ḥajar dan lainnya (Sulaim bin °Aid al-Hilāliy dan Muḥammad bin Mūsā °Ali Naṣr. 1425h. 21).

Kesepuluh: Dr °Imād al-Dīn Muḥammad al-Rashīd dengan kitabnya yang berjudul “*Asbāb al-Nuzūl wa Atharuha fī Bayān al-Nuṣūṣ: Dirāsah Muqāranah Baina Uṣūl al-Tafsīr wa Uṣūl al-Fiqh*”. Pengarang membuat kajian perbandingan antara *Uṣūl al-Tafsīr* dan *Uṣūl al-Fiqh*. Beliau cuba menjelaskan peranan *Asbāb al-Nuzūl* dalam pentafsiran al-Qur°ān. Antara peranan *Asbāb al-Nuzūl* ialah mentakhsiskan keumuman al-Qur°ān, Mentaqyidkan kemutlakan al-Qur°ān dan memperincikan kemujmalan al-Qur°ān. Contohnya tafsiran ayat 43 Surah al-Nisā°. Ayat 43 ini menjelaskan hukum tayammum secara ijmal tanpa perincian tentang kadar menyapu tangan. Adakah pergelangan tangan, atau siku atau kepangkal tangan (ketiak). Lalu *Asbāb al-Nuzūl* memainkan peranan memperincikan tentang kesamaran ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabrāniy:

حدثنا محمد بن عبد الله الحضرمي ، والحسين بن إسحاق التستري ، قالا : حدثنا يحيى الحماني ، حدثنا الربيع بن بدر ، عن أبيه ، عن جده ، عن الأسلع رجل من بني الأعرج بن كعب ، قال : كنت أخدم النبي صلى الله عليه وسلم ، فقال لي : يا أسلع ، قم أرني كيف كذا وكذا ؟ ، قلت : يا رسول الله ، أصابتنى جنابة ، فسكت عني ساعة ، حتى جاءه جبريل عليه السلام بالصعيد التميم ، قال : قم يا أسلع فتيمم ، قال : ثم أراني الأسلع كيف علمه رسول الله صلى الله عليه وسلم التميم ، قال : ضرب رسول الله صلى الله عليه وسلم بكفيه الأرض ، ثم نفضهما

، ثم مسح بهما وجهه حتى أمر على لحيته ، ثم أعادهما إلى الأرض ، فمسح بكفيه الأرض ، فذلك إحداهما بالأخرى ، ثم نفضهما ، ثم مسح ذراعيه ظاهرهما وباطنهما.

(Al-Ṭabrānīy. 1983. *Al-Muʿjam al-Kabir*, bab 1, 1: 378)

Maksudnya: Daripada Asla^c, beliau adalah seorang lelaki daripada Bani al-A^craj bin ka^b menceritakan: Aku berkhidmat dengan Nabi SAW, Baginda berkata kepada aku: Wahai Asla^c! bangunlah dan tunjukkan kepada ku tentang cara begini begini, Aku berkata: Wahai Rasulullah! Saya berjunub. Baginda diam seketika. Sehingga Jibril datang bersama debu tayammum. Baginda bersabda: Bangunlah wahai Asla^c, tayammum!, Perawi daripada Asla^c berkata: Kemudian Al-Asla^c menunjukkan kepada aku tentang cara bertayammum yang diajar oleh Rasulullah SAW kepadanya. Asla^c berkata: Rasulullah SAW menepuk dua tangannya ke atas debu, kemudian mengetuk-ngetuknya, kemudian menyapu kedua tangannya ke mukanya dan meratakan ke atas janggutnya, kemudian mengulangi menepuk tangannya ke atas debu dan menyapu kedua tapak tangannya dan menggosok-gosoknya, kemudian mengetuk-ngetuknya, kemudian menyapu kedua lengannya atas dan bawah.

Hadith sebab turun ayat ini menunjukkan bahawa kadar wajib menyapu tangan ketika bertayammum adalah hingga kesiku (ʿImād al-Dīn Muḥammad Rashīd 1999: 539). Hadith yang dikemukakan oleh penulis adalah *daʿif* kerana diriwayatkan daripada jalur al-Rabī^c bin Badr. Al-Haithamiy berkata: Ulama bersepakat menilainya sebagai *daʿif* (Al-Haithamiy. T.th. 1: 166). Kitab ini hanya menumpukan perbincangan terhadap hubungan antara *Asbāb al-Nuzūl* dan *Uṣūl al-Fiqh*, oleh itu kedudukan hadith yang dikemukakan kurang diberi perhatian.

Kesebelas: Dr. Khālid bin Sulaiman bin al-Muzainiy dengan karyanya berjudul “*Al-Muharrar fī Asbāb Nuzūl al-Qurʿān*”: *Min Khilāl al-Kutub al-Tisʿah: Dirāsah al-Asbāb, Riwāyah wa Dirāyah*. Kitab ini membincangkan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* secara terperinci. Dalam kajian literturnya, penulis memberikan komen terhadap kitab-kitab *Asbāb al-Nuzūl* secara ringkas dan jelas. Ini dapat dilihat ketika beliau mengkritik kitab-kitab berikut:

a. *Asbāb al-Nuzūl* karya al-Wāḥidiy dengan katanya: “Pengarang telah banyak ketinggalan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* dan tidak memasukkannya di dalam kitabnya”, selain itu beliau mengemukakan riwayat *Asbāb al-Nuzūl* yang pada hakikatnya ia bukan *Asbab al-Nuzul* dan terakhir beliau meninggalkan riwayat yang sahih dan berhujah dengan riwayat yang *daʿif*. (Al-Muzainiy. 1427h. 8)

b. Kritikan terhadap kitab “*Al-Ujāb fī Bayān al-Asbāb*”, karya Ibn Ḥajar al-ʿAsqalāniy: “Kitab ini memperkenalkan pendekatan yang sama dengan kitab-kitab lain. Pengarangnya tidak mengemukakan riwayat *Asbāb al-Nuzūl* dengan cara yang menyeluruh, tidak menghalusi perbincangan dan tidak ada pentarjihan. Riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* yang dikemukakan juga tidak dijelaskan sumber asal seperti *Kitab-kitab Ṣaḥīḥ, Sunan dan Masānīd*”.

c. Kritikan terhadap Al-Sayuti di dalam kitab “*Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*”. Beliau mengkritik dengan mengatakan bahawa banyak ayat-ayat al-Qurʿān yang mempunyai *Asbāb al-Nuzūl* yang sahih tetapi tidak disebut. Sesetengah ayat al-Qurʿān mempunyai beberapa sebab turun, tetapi yang disebut cuma satu riwayat sahaja. Kadang-kadang riwayat *Asbab al-Nuzul* terdapat didalam al-Bukhāriy dan Muslim atau salah satu daripada keduanya, tetapi al-Sayūṭiy tidak menyumberkan kepada keduanya atau salah satu daripadanya. Mentashihkan sebahagian daripada hadith *daʿif* dan terakhir ialah ungkapan sebab yang diubah daripada tidak jelas kepada jelas.

d. Kritikan terhadap kitab “*Al-Sahih al-Musnad min Asbab al-Nuzul*”, karya al-Shaikh Muqbil al-Hadiy al-Wadiⁱ: “Kitab ini memuatkan sejumlah hadith-hadith sahih berkaitan *Asbab al-Nuzul*, tetapi perlu kepada penambahan, atau mentahqiq kesahihannya, atau mengumpulkan riwayat-riwayat dan mentarjihkannya”.

e. Kritikan terhadap kitab “*Asbāb al-Nuzūl wa Atharuha fī al-Tafsīr*”, karya Dr. ʿIṣām al-Hamīdan: “Penulis telah meletakkan kaedah yang bermanfaat berkaitan *Asbāb al-Nuzūl*. Beliau telah membuat perbandingan antara kitab al-Wāḥidiy dan al-Sayūṭiy. Penulisnya membuat perbincangan yang ringkas yang menyerupai *Taʿliq* pada sebahagian tempat”.

f. Kritikan terhadap kitab (tesis Ph.D) *Asbāb al-Nuzūl: ʿAsānīduha wa Atharuha fī Tafsīr al-Qurʿān al-Karīm*”, karya Dr. Jumūʿah Sahl: “Di dalam bukunya penulis tidak membincangkan mengenai riwayat-riwayat *Asbāb*

al-Nuzūl. Penulis cuma membincangkan ciri-ciri, kaedah-kaedah dan hikmat pensyari'atan disebalik *Asbāb al-Nuzūl* dan perkara-perkara berkaitan”.

g. Kritikan terhadap kitab “*Jami' al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*”, karya Shaikh Ibn Khalīfah °Alīwiyy: “Penulis mengemukakan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* yang diriwayatkan oleh al-Wāḥidiyy dan al-Sayūṭiyy kemudian mensyarahkan ayat-ayat yang berkaitan *Asbāb al-Nuzūl*”. (Al-Muzainiy. 1427h. 9)

Antara metod penulisannya beliau dalam kitab ini ialah membicarakan tentang definisi *Asbāb al-Nuzūl*, kemudian diikuti dengan menyebut kepentingan ilmu *Asbāb al-Nuzūl*. Beliau menyusun riwayat *Asbāb al-Nuzūl* mengikut susunan ayat dan surah mengikut susunan mushaf. Sebagai contoh dikemukakan pentahqiqan beliau terhadap riwayat *Asbāb al-Nuzūl* bagi ayat 13 daripada Surah al-Ra'd. Beliau mengemukakan hadith yang diriwayatkan oleh al-Timidhiyy (Al-Muzainiy. 1427h. 637). Setelah mengemukakan semua pendapat mufassir, beliau membuat pentarjihan dalam “*al-Natījah*” dengan katanya: “Hadith yang tersebut tidak menjadi sebab bagi turun ayat kerana tidak ada bukti menunjukkan begitu, tambahan pula sanadnya *da'if* dan surah pula adalah surah Makkīyy. Riwayat diatas hanyalah sebagai tafsiran ayat yang berkemungkinan betul dan salah”. (Al-Muzainiy. 1427h. 640)

Kedua belas: *Al-Ṣaḥīḥ min Asbāb al-Nuzūl*, karya °Iṣām bin °Abd al-Muhsin al-Hamīdān. Dalam kitab ini, penulis mengemukakan riwayat-riwayat al-Wāḥidiyy dan al-Sayūṭiyy. Penulis akan mengemukakan ayat al-Qur'an, kemudian mengemukakan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl*. Contohnya ketika mengemukakan *Asbāb al-Nuzūl* bagi ayat 109 Surah al-Baqarah: Setelah mengemukakan ayat al-Qur'an, beliau mengemukakan riwayat daripada al-Wāḥidiyy, Abū Dāwud, Ibn Abi Ḥātim, Ibn al-Mundhir dan al-Baihaqiy daripada jalur Shu'aib daripada al-Zuhriyy daripada °Abd al-Raḥmān bin °Abdullah bin Ka'b bin Mālik daripada ayahnya. Setelah mengemukakan hadith, beliau mengulas: Sanadnya sahih, dan riwayat °Abd al-Raḥmān daripada ayahnya adalah bermaksud datuknya Ka'b seperti yang beliau jelaskan dalam riwayat Abū Dāwud. Selepas itu, beliau mengemukakan salah satu riwayat al-Wāḥidiyy. Kemudian beliau mengulas dengan mengatakan bahawa °Abd al-Raḥmān menjelaskan nama gurunya dalam riwayat al-Baihaqiy iaitu datuknya ka'b dan sanad ini adalah muttaṣil. Shawahidnya ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabariyy daripada jalur °Abd al-Razzāq daripada Mu'ammār daripada al-Zuhriyy: “Bahawa ayat ini diturunkan kepada Ka'b bin al-Ashraf”. Kemuadain beliau mengkritik dengan katanya: “Hadith ini *maqtu'*, sanadnya ṣaḥīḥ, ayat ini mempunyai sebab turun yang lain”. Selepas mengemukakan riwayat, beliau berkata: “Sanadnya ḥasan, tidak terhalang jika ayat ini turun selepas mereka menyakitkan hati orang-orang islam keseluruhannya kerana maksud ayat merangkumi mereka semua”. (Al-Hamīdān. 1999. 26-27)

Ketiga belas: Tesis Ph.D yang bertajuk “*Asbāb al-Nuzūl: Asānīduha wa Atharuha fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*” yang ditulis oleh Al-Shaikh bin Jumū'ah Sahl pada tahun 1403h/1983m daripada Universiti Umm al-Qura, Fakulti Syari'ah dan Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Tinggi, Cawangan Kitab dan Sunnah. Penulis membincangkan tajuk-tajuk *Asbāb al-Nuzūl* dengan lebih terperinci berserta contoh. Antara sebab dan objektif kajian beliau ialah:

- Tajuk ini berkait rapat dengan Kitab Allah. Setiap muslim secara semula jadinya cenderung kepada sesuatu yang mudah berkaitan Kitab Allah.
- Perbezaan metodologi penulis-penulis dalam hal ini yang mendorong untuk membuat perbandingan tentang metod mereka.
- Untuk mendapat gambaran berkaitan penulis-penulis Kitab *Asbāb al-Nuzūl* dan biodata mereka. Ini akan menyuburkan lagi kenangan orang-orang ṣāliḥ yang telah mendahului kita yang telah meninggalkan warisan yang amat bernilai berkaitan Kitab Allah.
- Memperkenalkan karya-karya yang ditulis berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* samada yang masih dalam bentuk manuskrip atau yang telah dicetak dan mengesannya untuk kepentingan umum.
- Pengetahuan tentang *Asbāb al-Nuzūl* memberi kesan kemasyarakatan yang amat penting, kerana Kitab Allah mencakupi ruang lingkup bagi seluruh kehidupan. Mengkaji *Asbāb al-Nuzūl* membantu memahami maksud al-Qur'an dan memantapkan hubungan dengan isu memahami Kitab Allah. (Al-Shaikh bin Jumū'ah Sahl. 1983. ➤)

Perbincangan dimulakan dengan mengemukakan definisi *Asbāb al-Nuzūl*, diikuti dengan ulama-ulama yang menyusun kitab-kitab berkaitan *Asbāb al-Nuzūl*. Perbincangan seterusnya berkaitan nilai ilmiah kitab-kitab *Asbāb al-Nuzūl*. Fasal yang kedua pula membincangkan secara terperinci tentang cara mengambil istifadah daripada riwayat *Asbāb al-Nuzūl* untuk memahami tafsiran ayat al-Qur'an dan menghilangkan keraguan daripadanya. Dalam perbincangan ini, penulis membawa contoh ayat 115 Surah al-Baqarah:

Penulis menegaskan, secara zahirnya ayat ini menunjukkan tidak wajib menghadap kiblat ketika sembahyang, dan ayat ini juga bertentangan dengan ayat 144 Surah al-Baqarah:

Tetapi dengan merujuk kepada Sebab Turun, jelaslah maksud sebenar ayat. Ayat ini diturunkan kepada orang yang bermusafir seperti yang dijelaskan dalam hadith riwayat Muslim:

عن ابن عمر قال: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يصلي وهو مقبل من مكة إلى المدينة على راحته حيث كان وجهه. وفيه نزلت: فأينما تولوا فثم وجه الله.

(Muslim. T.th. *Ṣaḥīḥ*, bab: *Jawāz Ṣalāt al-Nāfilah ʿala al-Dābbah fi al-Safar*. 5: 209)

Maksudnya: Daripada Ibn ʿUmar RA.: Adalah Rasulullah SAW sembahyang dalam keadaan Baginda menghalu daripada Mekah ke Madinah. Ketika itu Baginda berada di atas kenderaannya dan menghadap ke mana sahaja mengikut kenderaannya. Terhadap peristiwa inilah diturunkan ayat. (Al-Shaikh bin Jumʿah Sahl. 1983. 63)

Begitulah perbincangan seterusnya berkaitan dengan tajuk-tajuk *Asbāb al-Nuzūl* yang dibincangkan oleh al-Sayūṭiy di dalam al-Itqan. Bezanya, penulis memperincikan tajuk-tajuk *Asbāb al-Nuzūl* yang dibincangkan secara umum di dalam kitab-kitab ʿUlum al-Qurʿan.

4. Kesimpulan

Asbāb al-Nuzūl bukan sekadar catatan sejarah penurunan sesuatu ayat al-Qurʿan, tetapi peranannya menjangkau keseluruhan aspek tujuan penurunan al-Qurʿan itu sendiri. Secara ringkaskannya, dikatakan bahawa *Asbāb al-Nuzūl* adalah perincian terhadap kemujmalan al-Qurʿan, Mengkaitkan sesuatu kemutlakan al-Qurʿan, Penjelasan terhadap kesamaran. Peranannya melangkaui permasalahan akidah, hukum dan perkhabaran yang telah lalu dan akan datang. Oleh itu, memastikan kesahihan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* merupakan satu kewajipan bagi mereka yang berinteraksi dengan kitab-kitab Tafsir al-Qurʿan. Kajian awal yang dilakukan mendapati, banyak kitab-kitab *Asbāb al-Nuzūl* yang ditulis oleh sarjana-sarjana Islam Mutakhir ini dipersembahkan dalam bentuk yang lebih sempurna. Hadith-hadith berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* telah ditahqiq dan ditakhrij menurut kaedah ilmiah. Adalah tidak wajar kiranya terdapat dikalangan umat Islam yang masih berhujah dengan hadith yang *daʿif* ketika memperkatakan tentang sebab turun sesuatu ayat. Bagi sarjana-sarjana Islam khususnya di Malaysia, perlu memperbanyakkan kajian berkaitan ilmu ini untuk dipersembahkan kepada masyarakat supaya hadith-hadith *daʿif* tidak menjadi virus yang menghancurkan kefahaman masyarakat terhadap Islam. Lihatlah hadith-hadith *daʿif* dan *mauduʿ* yang berkaitan dengan *Asbāb al-Nuzūl al-Qurʿan* seperti hadith ibu dan ayah Nabi SAW dihidupkan semula oleh Allah untuk beriman dengan Baginda SAW telah tersebar dikalangan masyarakat. Sebahagian masyarakat bukan sekadar menerima *hadith mauduʿ* ini, bahkan dalam masa yang sama telah menolak hadith sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhariy dan Muslim. Begitulah juga dengan kisah Hindun bint ʿUtbah yang dikatakan telah membelah perut Hamzah RA. dan memakan hatinya telah menjadi cerita yang masyhur dan diterima oleh masyarakat, sedangkan ulama-ulama *al-Jarḥ wa al-Taʿdīl* menghukumnya sebagai *daʿif*.

Rujukan

- Ibn Abi al-Dunya. Abu Bakr ʿAbdullah Muḥammad ʿUbayd al-Baghdadiy. T.th. *Makārim al-Akhlāq*. Misr: Maktabah al-Qurʿan.
- Ibn Abi Hatim. Abu Muhammad ʿAbd al-Rahman bin Muhammad bin Idris al-Raziy al-Hanzaliy.. 1997M/1417H. *Tafsir al-Qurʿān al-ʿAzīm Musnad ʿan Rasul Allah s.a.w wa al-Ṣaḥābah wa al-Tābiʿīn*. Cet pertama. Riyad: Maktabah Nizar Muṣṭafa al-Baz. Tahqiq: Asʿad Muḥammad Ṭayyib.
- Ibn Hishām. ʿAbd al-Malik bin Hishām bin Ayyūb al-Ḥumairiy al-Muʿāfiriy. 1990M/1410H. *Al-Sīrah al-Nabawiyah*. Cet ketiga. Dār al-Kitab al-ʿArabiyy. Tahqiq: ʿUmar bin ʿAbd al-Salām.
- Ibn Abi Shaibah. ʿAbdullah bin Muhammad bin Ibrāhīm bin Shaibah al-ʿAbasiyy, Abu Bakr. 2004M/1425H. *Muṣannaf Ibn Abi Shaibah*. Cet pertama. Al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Saʿūdiyyah. Maktabah al-Rushd Nashirūn.

- Ibn ʿAsākir. Abu al-Qāsim ʿAli bin al-Ḥasan bin Hibah Allah bin ʿAbdullah. T.th. *Tārīkh Madīnah Dimashq*. Dar al-Fikr.
- Ibn al-Athir. ʿIz al-Dīn Abu al-Ḥasan ʿAli bin Muḥammad bin ʿAbd al-Karīm al-Jazariy. 2012M/1433H. *Usd al-Ghabah fi Maʿrifah al-Sahabah..* Cet pertama. Bairut: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn al-Athīr. ʿIz al-Dīn Abu al-Ḥasan ʿAli bin Muḥammad bin ʿAbd al-Karīm al-Jazariy. 1403h. *Al-Kāmil fi al-Tarīkh*. Cet keempat. Bairut: Dar al-Kitāb al-ʿArabiy.
- Ibn ʿAtīyyah. ʿAbd al-Ḥaq bin Ghālib bin ʿAtīyyah al-Andalusiy. 2001M/1422H. *Al-Muḥarrar al-Wajīz fi Tafṣīr al-Kitāb al-ʿAziz*. Cet pertama. Bairut-Lubnan: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. Tahqīq: ʿAbd al-Salam ʿAbd al-Shāfiy Muḥammad.
- Ibn Ḥazm al-Andalusiy. Abu Muḥammad ʿAli bin Ahmad bin Saʿid. 1983M/1424H *Jamharah Ansāb al-ʿArab*. Cet ketiga. Bairut, Lubnan: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Ḥazm al-Andalusiy. Abu Muḥammad ʿAli bin Aḥmad bin Saʿid. 1352H. *Al-Muḥallā bi al-Āthār*. Al-Maṭbaʿah al-Muniriyyah. Tahqīq: Aḥmad Muḥammad Shākir.
- Ibn Ḥibbān. Muḥammad bin Ḥibban bin Aḥmad Abu Ḥātim al-Tamīmiy al-Bastiy. 1952M/1372H. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Misr: Dar al-Maʿārif. Tahqīq: Shaikh Ahmad Shākir.
- Ibn Ḥibbān. Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad Abu Ḥātim al-Tamīmiy al-Bastiy. 1395h/1985m. *Al-Thiqāt*. Cet ketiga. Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥibbān. Muḥammad bin Ḥibban bin Aḥmad Abu Ḥātim al-Tamīmīy al-Bastiy. 1396h. *Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muhaddithīn*. Dar al-Waʿy Ḥalb.
- Ibn al-Jauziy. Abd al-Raḥmān bin Ali bin Muhammad bin al-Jauziy. 1406H. *Al-Duʿafāʾ wa al-Matrūkīn*. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn al-Jauziy. ʿAbd al-Raḥmān bin ʿAli bin Muḥammad. Abu al-Farj. 1981M/1401H. *Al-ʿIlal al-Mutanahiyah fi al-Aḥādīth al-Wāḥiyah*. Cet kedua. Pakistan: Idārah al-ʿUlūm al-Athariyyah Faiṣal Ābād.
- Ibn Kathīr. ʿImād al-Dīn Abu al-Fidāʾ Ismāʿīl bin Kathīr. 1976M/1395H. *Al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Bairut: Dār al-Maʿrifah li al-Ṭībaʿah wa al-Nashr. Tahqīq: Muṣṭafa ʿAbd al-Wāḥid.
- Ibn Kathīr. ʿImād al-Dīn Abu al-Fidāʾ Ismāʿīl bin Kathīr. 1988M /1408H. *Tafṣīr al-Qurʾān al-ʿAzīm*. Cet pertama. Al-Qahirah: Dar al-Hadīth..
- Ibn al-Kiyāl. Abu al-Barakāt Muḥammad bin Aḥmad. 1981M. *Al-Kawākib al-Nīrāt fi Maʿrifah min al-Ruwāt al-Thiqāt*. Cet pertama. Bairut: Dār al-Maʿmūn. Tahqīq: ʿAbd al-Qayyūm ʿAbd Rabb al-Nabiy.
- Ibn Khuzaimah. Abu Bakr Muḥammad bin Ishaq bin Khuzaimah al-Salamiy al-Naisāburiy. 2003M/1424H. *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaimah*. Cet ketiga. Al-Maktab al-Islamiy. Tahqīq: Muhammad Muṣṭafa al-Aʿzamiy.
- Ibn Mājah. Abu ʿAbdullah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwainiy. T.th. *Sunan*. Maṭbaʿah Dār Iḥyāʾ al-Kutub al-ʿArabīyyah.
- Ibn Manzūr. Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukrim al-Afrīqiy al-Miṣriy. 2008M. *Lisān al-ʿArab*. Cet keenam. Bairut: Dār Ṣādir.
- Ibn al-Mubārak. ʿAbdullah bin al-Mubārak al-Marwaziyy. 1995M/1415H. *Al-Zuhd wa al-Raqāʾiq*. Cet pertama. Dār al-Miʿrāj al-Dauliyyah li al-Nashr. Tahqīq: Aḥmad Farīd.
- Ibn Saʿd. Muḥammad bin Saʿd bin Manīʿ al-Zuhriy al-Baṣriy. T.th. *Al-Ṭabaqāt al-Kubra*. Bairut: Dār Bairut.
- Ibn Taimiyyah. Taqiy al-Din Abu al-ʿAbbas Ahmad bin ʿAbd al-Halim bin Taimiyyah. 2005M/1426H. *Majmūʿ Fatāwā*. Cet ketiga. Dar al-Wafa. Tahqīq: Anwar al-Baz.
- Ibrāhīm Abu Shadiy. 2007M/1428H. *Al-Ikhtiyārāt al-Fiḥiyyah li al-Imām al-Albāniy*. Cet pertama. Al-Qahirah: Dār al-Ghad al-Jadīd.
- ʿImād al-Dīn Muḥammad al-Rashīd. Dr. 1999M/1420H. *Asbāb al-Nuzūl wa Atharuha fi Bayān al-Nuṣūṣ: Dirāsah Muqāranah baina Uṣūl al-Tafṣīr wa Uṣūl al-Fiḥ*. Dār al-Shihāb.
- Al-ʿIraqiy. Zain al-Din Abu al-Faḍl ʿAbd al-Rahim bin al-Husain. *Al-Mughniy ʿan Himl al-Aṣfār fi Takhrīj ma fi al-Aḥyāʾ min al-Akḥbār*. Ctk-1, 1408h/1988m. Al-Qahirah: Dar al-Ḥadīth.
- Al-ʿIrāqiy. Zain al-Dīn Abu al-Faḍl ʿAbd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn. 1981M. *Al-Taḥqīd wa al-Īḍāḥ*. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr.

- Ishāq bin Ibrāhīm bin Makhlad bin Rāhawaih al-Hanzaliy. 1412H/1991M. *Musnad*. Cet pertama. Madinah: Maktabah al-Madinah al-Munawwarah.
- Ishāq bin Rāhawayh. Ibrāhīm bin Makhlad al-Ḥanzaliy al-Marwaziyy. 1990M/1411H. *Al-Musnad*. Cet pertama. Al-Madinah al-Munawwarah. Maktabah al-Iman.
- Manna° al-Qaṭṭān. T.th. *Mabāḥith fi °Ulūm al-Qur'ān*. Al-Ḥaramayn.
- Al-Manāwiy. Zain al-Dīn °Abd al-Raūf. 1409H. *Al-Faṭḥ al-Samāwiy bi Takhrīj Ahādīth al-Baiḍāwiy*. Cet pertama. Riyāḍ: Dār al-°Aṣimah. Tahqīq: Aḥmad Muḥtaba bin Nadhīr.
- Sulaim bin °Aid al-Hilāliy & Muḥammad bin Mūsā Āli Naṣr. 1425H. *Al-Ist'āb fi Bayān al-Asbāb*. Al-Mamlakah al-°Arabiyyah al-Sa°ūdiyyah: Dār Ibn al-Jauziyy.
- Al-Sayūṭiy. Jalal al-Dīn °Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr. T.th. *Al-Itqān fi °Ulūm al-Qur'ān*. Bairut. Lubnan: Dār al-Nadwah al-Jadīdah.
- Al-Sayūṭiy. Jalāl al-Dīn °Abd al-Raḥmān bin Abu Bakr. 2002M/1422H. *Lubāb Al-Nuqūl fi Asbāb al-Nuzūl*. Bairut-Lubnan: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- Al-Sayūṭiy. Jalāl al-Dīn °Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr. 1979M. *Tadrīb al-Rāwi fi Sharḥ Taqrīb al-Nawawiy*. Cet kedua. Bairut, Lubnan: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ṭāhir Maḥmūd Ya°qūb. 1431H. *Asbāb al-Khaṭa' fi al-Tafsīr*. Cet kedua. Mamlakah al-°Arabiyyah al-Sa°ūdiyyah: Dār Ibn al-Jawziyy.
- al-Wahidiyy. Abu al-Hasan Ali bin Ahmad bin Muhammad bin Ali. *Asbāb al-Nuzūl*. 2002M/1424H. Dār al-Ḥadīth al-Qāhirah. Tahqīq: Aiman Ṣāliḥ Sha°bān.
- Al-Zarkashiy. Badr al-Din Muḥammad bin °Abdullah. T.th. *Al-Burhān fi °Ulūm al-Qur'ān*. Ṣaida-Bairūt: Manshūrāt al-Maktabah al-°Aṣriyyah. Tahqīq: Muḥammad Abu al-Faḍl Ibrāhīm.
- Al-Zarqāniyy. Muḥammad °Abd al-°Azīm. T.th. *Manāhil al-°Irfān fi °Ulūm al-Qur'ān*. Maṭba°ah Dār Iḥya' al-Kutub al-°Arabiyyah.